# KUPASAN MUTU JAWAPAN

## BAHASA MELAYU 2
## 1103/2

## SPM
## 2 0 1 4

KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

## INSTRUMEN PENTAKSIRAN

| | | |
|---|---|---|
| Kod | : | 1103/2 |
| Markah | : | 120 |
| Masa | : | 2 jam 30 minit |

## REKA BENTUK INSTRUMEN PENTAKSIRAN

Mempunyai 4 soalan – semua soalan mesti dijawab.

| | | |
|---|---|---|
| Soalan 1 | : | Rumusan - 30 markah |
| Soalan 2 | : | Pemahaman - 35 markah (Petikan umum, Prosa Moden, Prosa Klasik dan Puisi Moden/Klasik) |
| Soalan 3 | : | Pengetahuan dan Kemahiran Bahasa - 30 markah |
| Soalan 4 | : | Novel - 15 markah |

## PRESTASI KESELURUHAN

Kualiti jawapan calon pada keseluruhannya pada tahap baik. Calon dapat menguasai kemahiran berbahasa dengan baik. Jawapan calon memenuhi kehendak atau tugasan soalan. Pada amnya calon dapat menguasai sistem ejaan Bahasa Melayu. Penguasaan aspek tatabahasa dan pembinaan ayat juga dikuasai oleh calon dengan baik. Calon juga dapat menguasai aspek komponen sastera dengan baik. Penyampaian jawapan calon menunjukkan kematangan berfikir dalam kalangan calon dan isi yang dikemukakan jelas mengikut kehendak soalan.

## PRESTASI MENGIKUT KUMPULAN CALON

### Kumpulan tinggi

Calon mengemukakan jawapan yang menepati kehendak soalan. Calon menghuraikan jawapan dengan terperinci, jelas dan tepat. Jawapan mudah difahami kerana persembahan jawapan yang lancar dan menggunakan bahasa yang gramatis serta kesalahan bahasa yang minimum.

### Kumpulan sederhana

Jawapan masih memenuhi kehendak soalan tetapi kurang terperinci dan tidak lengkap. Penyampaian masih baik tetapi terdapat beberapa kesalahan dari segi tatabahasa.

### Kumpulan rendah

Calon hanya menjawab beberapa soalan. Jawapan pula tidak tepat atau samar-samar serta bercampur aduk. Terdapat jawapan yang menyimpang daripada kehendak sebenar soalan. Penyampaian kurang lancar dan kurang tersusun serta mengandungi banyak kesalahan ejaan dan tatabahasa. Hal ini menyebabkan kesukaran untuk memahami maksud jawapan sebenar yang ditulis.

**PRESTASI TERPERINCI**

**Soalan 1: Rumusan**

**Soalan 1 : Rumusan**

*Baca petikan di bawah dengan teliti, kemudian buat satu rumusan tentang* **peranan kaunselor** *dan* **langkah-langkah untuk menggalakkan murid mendapatkan khidmat kaunselor**. *Panjangnya rumusan hendaklah* **tidak melebihi 120 patah perkataan.**

Murid-murid pasti sudah biasa mendengar perkataan kaunselor, tetapi sejauh manakah pengetahuan mereka tentang fungsi kaunselor? Ramai murid yang masih kabur tentang fungsi sebenar kaunselor dan kriteria individu yang memerlukan khidmatnya. Sebagai orang yang terlatih, kaunselor melaksanakan tugas berlandaskan pengetahuannya dalam bimbingan dan kaunseling yang mampu menangani sebahagian masalah di sekolah. Antara masalah yang dialami oleh murid ialah tekanan emosi. Dalam hal ini, fungsi kaunselor adalah untuk menolong murid mengenal pasti punca tekanan emosi tersebut, di samping memberikan bimbingan tentang cara menangani masalah yang dihadapi.

Walau bagaimanapun, kaunselor bukanlah berperanan untuk menyelesaikan masalah seperti tanggapan sesetengah pihak. Perkara ini perlu difahami oleh setiap murid yang mahu mendapatkan bantuan atau khidmat daripada kaunselor. Kaunselor sebenarnya berperanan untuk memandu murid memahami serta menerima keadaan diri sendiri supaya mereka dapat meningkatkan perlakuan yang baik dan mengurangkan perlakuan yang sebaliknya. Sehubungan dengan itu, murid tidak seharusnya menganggap bahawa mereka yang berjumpa dengan kaunselor merupakan individu yang bermasalah semata-mata. Tanggapan ini tidak benar sama sekali. Hakikatnya, apabila bertemu dengan kaunselor, murid akan dibantu untuk menguruskan perkara-perkara yang berkaitan dengan kehidupannya seperti panduan memilih jurusan atau kerjaya yang sesuai dan bukan memberikan tumpuan terhadap masalah tertentu sahaja.

Kaunselor juga dapat membantu murid mengesan dan mengembangkan bakat dan minatnya. Hal ini penting supaya segala tindakan yang bakal dilakukan oleh murid selaras dengan apa-apa yang diingini agar mereka berpeluang membuat perancangan masa depan untuk mencapai matlamat hidup. Pada masa yang sama, kaunselor bertanggungjawab untuk membimbing murid memanfaatkan peluang bagi penyempurnaan kendiri. Pelaksanaaan pelbagai program bimbingan dan kaunseling seperti ceramah, kursus dan kem motivasi akan membolehkan kaunselor memahamkan murid tentang hubungan mereka dengan masyarakat sekitar. Dalam hal ini, mereka akan dapat menyesuaikan diri dan berinteraksi secara positif dengan rakan sebaya dan jiran-jiran. Selain itu, kaunselor juga dapat memupuk nilai-nilai murni dalam diri murid melalui sesi kaunseling yang dijalankan. Penyemaian nilai-nilai murni ini akan meningkatkan mutu disiplin murid-murid di sekolah.

Sesungguhnya, usaha-usaha penambahbaikan perkhidmatan kaunseling wajar dilaksanakan agar khidmat yang diberikan oleh kaunselor *mendapat kepercayaan* murid. Sikap profesional kaunselor dalam melaksanakan tugas hendaklah menjadi keutamaan demi menaikkan imej perkhidmatan bimbingan dan kaunseling di sekolah.

Dipetik dan diubah suai daripada
'Memanfaatkan Khidmat Kaunselor'
oleh Nadiah Naufal,
*Dewan Siswa*, April 2012

Tugasan soalan ini meminta calon menghasilkan rumusan yang terdiri daripada pendahuluan, isi tersurat, isi tersirat dan kesimpulan.

**Pendahuluan**

> Petikan membincangkan tugas kaunselor di sekolah-sekolah di Malaysia.

Calon kumpulan tinggi berjaya menjawab pendahuluan dengan tepat dan lengkap. Pendahuluan calon merangkumi tugas kaunselor di sekolah. Ayat yang digunakan gramatis dan tidak menggunakan soalan sebagai jawapan. Pendahuluan rumusan dapat menggambarkan keseluruhan isi dalam petikan rumusan yang diberikan. Kematangan jawapan calon terserlah.

> Petikan membincangkan tanggungjawab kaunselor di malaysia pada masa kini.

Berdasarkan contoh, calon kumpulan sederhana dapat memahami kata tugas dalam soalan namun tidak dapat mengemukakan pendahuluan dengan lengkap. Calon dalam kategori ini hanya mengemukakan sebahagian jawapan sahaja untuk pendahuluan. Calon hanya menjelaskan tanggungjawab kaunselor di Malaysia tetapi tidak merujuk kepada tanggungjawab kaunselor di sekolah. Oleh itu jawapan calon kategori ini dianggap tidak lengkap dan tidak dapat menggambarkan keseluruhan isi dalam petikan rumusan. Tidak terdapat kesalahan tatabahasa atau ejaan.

> Petikan membincangkan cara-cara untuk menggalakkan murid mendapatkan khidmat kaunselor di Malaysia.

Jawapan di atas menunjukkan calon kumpulan rendah tidak dapat memahami tugasan soalan untuk menulis pendahuluan. Calon memasukkan arahan soalan untuk isi tersirat sebagai pendahuluan. Pendahuluan seperti ini adalah salah dan gagal menjelaskan perkara yang terkandung dalam petikan rumusan yang diberikan.

## Isi Tersurat

> Peranan kaunselor adalah menolong murid mengenal pasti punca tekanan emosi. Selain itu, kaunselor juga memberi bimbingan tentang cara menangani masalah yang dihadapi. Seterusnya, kaunselor berperanan untuk memandu murid memahami serta menerima keadaan diri sendiri. Di samping itu, kaunselor juga dapat membantu murid mengesan dan mengembangkan bakat dan minatnya. Selanjutnya, kaunselor berperanan untuk membimbing murid memanfaatkan peluang bagi penyempurnaan kendiri. Akhir sekali, kaunselor juga dapat memupuk nilai-nilai murni dalam diri murid.

Bagi isi tersurat, calon kumpulan tinggi dapat memahami tugasan soalan dan berjaya mengemukakan isi tentang peranan kaunselor di sekolah. Calon kategori ini berjaya mengemukakan enam isi tersurat sebagaimana yang dikehendaki soalan. Ayat yang digunakan gramatis dan bebas daripada kesalahan tatabahasa. Isi tersurat yang dikemukakan juga tersusun dan berturutan serta mempunyai kesinambungan isi daripada isi pertama sehingga isi tersurat yang keenam. Ayat yang dibina juga sempurna. Susunan isi menunjukkan kematangan calon kumpulan tinggi.

> Peranan kaunselor sebenarnya ialah untuk memandu murid memahami serta menerima keadaan diri sendiri supaya mereka dapat meningkatkan perlakuan yang baik. Seterusnya, murid akan dibantu untuk mengurus-kan perkara-perkara yang berkaitan dengan kehidupannya. Kaunselor juga dapat membantu murid mengesan dan mengembangkan bakat dan minatnya. Bertanggungjawab untuk membimbing murid memanfaatkan peluang bagi penyempurnaan kendiri. Kaunselor juga memupuk nilai-nilai murni dalam diri murid melalui sesi kaunselling. Akhirnya perkhidmatan kaunselling wajar dilaksanakan agar khidmat yang diberikan mendapat kepercayaan murid.

Calon sederhana hanya dapat mengemukakan sebahagian isi tersurat. Jawapan yang diberikan mengemukakan tiga atau empat isi tersurat sahaja. Isi yang dikemukakan tidak berturutan. Ada ayat dalam petikan yang disalin tetapi bukan isi dan tidak relevan dengan kehendak soalan. Ayat yang digunakan masih gramatis dan tiada kesalahan tatabahasa.

Antara ialah difahami oleh setiap murid yang mahu mendapatkan bantuan atau khidmat daripada kaunselor. Selain itu, kita haruslah membantu murid mengesan dan mengembangkan bakat dan minatnya. ~~Dis~~ Di samping itu, kita mestilah membimbing murid memanfaatkan peluang bagi penyempurnaan kendiri. Tambahan pula, kita ~~wajarlah~~ perlulah ~~menyele~~ menyesuaikan diri dan berinteraksi secara positif dengan rakan sebaya dan jiran-jiran. Selain itu, kita hendaklah memupuk nilai-nilai murni dalam diri murid melalui sesi kaunseling yang dijalankan. Akhir sekali, kita haruslah meningkatkan mutu disiplin murid-murid di sekolah.

Calon kumpulan rendah tidak memahami kehendak soalan berkaitan peranan kaunselor di sekolah. Calon gagal memahami tugasan yang diberikan iaitu peranan kaunselor. Jawapan yang dikemukakan tidak menyentuh langsung tentang kaunselor. Calon hanya menyalin ayat daripada petikan tetapi tiada kaitan dengan peranan kaunselor. Ayat yang digunakan kurang gramatis dan banyak terdapat kesalahan tatabahasa.

**Isi Tersirat**

Langkah-langkah untuk menggalakkan murid mendapatkan khidmat kaunselor termasuklah guru kaunselor perlu menjadi seorang guru yang peramah dan mesra. Bilik kaunseling haruslah sentiasa terbuka luas untuk semua orang. Selain itu, pihak pentadbir sekolah mengajak dan mendorong murid untuk mendapatkan khidmat kaunselor.

Jawapan calon cemerlang mengemukakan isi tersirat berhubung cara-cara menggalakkan murid mendapatkan khidmat kaunselor. Calon ini dapat mengemukakan dua isi tersirat yang tepat. Calon dapat membaca dan mentafsir kehendak isi tersirat dengan baik. Calon berjaya menjawab dengan idea aras tinggi. Jawapan ditulis dalam bahasa yang gramatis tanpa kesalahan tatabahasa. Jawapan calon dalam kumpulan ini menunjukkan kematangan mereka menjana idea.

Langkah-langkah untuk menggalakan murid mendapatkan khidmat kaunselor ialah melalui penambahbaikan perkhidmatan kaunseling dan ~~menambah~~ mewujudkan sesuatu aktiviti yang menarik ~~pada~~ oleh ~~guru~~ kauselor.

Calon kategori sederhana ini hanya dapat mengemukakan sebahagian isi tersirat sahaja. Calon kurang memahami kehendak soalan yang memerlukan isi berkaitan cara-cara menggalakkan murid mendapatkan khidmat kaunselor. Jawapan hanya dibuat secara umum sahaja. Walau bagaimanapun penggunaan bahasa masih gramatis.

Cara-cara untuk menggalakkan murid mendapatkan khidmat kaunselor ialah menawarkan tawaran pembelajaran ke universiti, mengadakan aktiviti sukan lasak untuk melatih diri menjadi insan yang berguna pada pandangan masyarakat.

Jawapan calon kumpulan rendah menunjukkan calon tidak memahami kehendak tugasan soalan. Calon tidak dapat mengemukakan jawapan yang menunjukkan cara-cara menggalakkan murid mendapatkan khidmat kaunselor. Jawapan yang diberikan tidak relevan dan hanya menyalin daripada petikan asal dalam petikan.

**Kesimpulan**

Kesimpulannya, murid-murid harus memanfaatkan tugas kaunselor agar masalah-masalah dapat diselesaikan serta kehidupan ~~dapat~~ menjadi lebih teratur.

Calon kumpulan tinggi dapat mengemukakan kesimpulan rumusan dengan jelas dan menepati kehendak tugasan. Calon dapat mengemukakan cadangan yang menepati isi petikan dan kesan atau alasan yang relevan dengan cadangan tersebut. Calon dapat mengemukakan kedua-dua elemen atau unsur kesimpulan dengan tepat. Bahasa yang digunakan gramatis.

kesimpulannya, semua pihak harus berkerjasama agar dapat murid mendapatkan khidmat kaunselor.

Jawapan calon kumpulan sederhana gagal mengemukakan kesimpulan dengan tepat. Calon hanya menjawab sebahagian sahaja kesimpulan. Calon kumpulan ini hanya berjaya mengemukakan cadangan kesimpulan tanpa menyatakan kesan atau alasan kepada cadangan tersebut. Terdapat kesalahan ejaan dan tatabahasa yang dilakukan oleh calon dalam kelompok ini. Bahasa yang digunakan kurang gramatis.

konklusinya, kaunselor adalah seorang yang anda boleh membuka dari segi emosi

Calon kumpulan rendah secara keseluruhannya gagal menulis kesimpulan rumusan mengikut kehendak soalan. Calon tidak faham cara-cara untuk membuat kesimpulan berdasarkan petikan yang telah disediakan. Kumpulan calon ini menulis kesimpulan yang tiada kaitan dengan kehendak soalan. Oleh itu jawapan yang diberikan tidak relevan dengan kehendak tugasan soalan. Kesalahan tatabahasa sangat nyata.

**Soalan 2(a) – Petikan umum**

**Soalan 2(*a*) – Petikan Umum**

*Berdasarkan petikan* **Soalan 1**, *jawab soalan-soalan yang berikut dengan menggunakan ayat anda sendiri.*

(i) Berikan maksud rangkai kata *mendapat kepercayaan.*

(i) Rangkai kata mendapat kepercayaan ialah memperoleh keyakinan.

(i) Rangkai kata mendapat kepercayaan bermaksud memperoleh pengiktirafan.

Calon dapat memberikan jawapan maksud rangkai kata yang diuji dengan tepat. Jawapan calon dalam kumpulan tinggi menunjukkan pemahaman calon terhadap rangkai kata yang diuji. Calon juga memberikan jawapan dengan menggunakan ayat yang gramatis.

Maksud rangkai kata mendapat kepercayaan ialah memperoleh kepercayaan

a) (i) maksud rangkai kata mendapat kepercayaan ialah mendapat kenyakinan

Calon dalam kumpulan sederhana tidak memahami sepenuhnya maksud rangkai kata yang diuji. Calon hanya mampu mengemukakan sebahagian sahaja maksud bagi rangkai kata yang diuji.

(i) Rangkai kata mendapat kepercayaan bermaksud menerima perhatian.

Maksud rangkai kata mendapat kepercayaan ialah mengambil kepastian.

Calon kumpulan rendah mengemukakan maksud rangkai kata yang salah berdasarkan jawapan sebenar. Calon tidak memahami maksud sebenar rangkai kata yang diuji dan memberikan maksud yang tidak menepati kehendak soalan

**(ii) Pengarang mengemukakan beberapa tanggapan yang salah tentang khidmat kaunselor di sekolah.**

**Nyatakan tanggapan-tanggapan yang salah tersebut.**

ii) Antara tanggapan -tanggapan yang salah ialah mereka menganggap kaunselor berperanan untuk menyelesaikan masalah. ~~Selain~~. Seterusnya, sesetengah pihak menganggap bahawa mereka yang berjumpa dengan kaunselor merupakan individu yang bermasalah semata-mata.

Tanggapan yang salah tentang khidmat kaunselor di sekolah ialah kaunselor berperanan menyelesaikan masalah. Selain itu tanggapan yang salah ialah mereka yang berjumpa dengan kaunselor merupakan individu yang bermasalah semata-mata. Di samping itu tanggapan yang salah tersebut ialah khidmat kaunselor memberikan tumpuan terhadap masalah tertentu sahaja.

Keseluruhannya, calon memahami kehendak tugasan soalan dan dapat mengenal pasti jawapan berdasarkan petikan. Calon juga boleh memberikan semua jawapan yang terdapat dalam petikan. Jawapan calon tersusun, sistematik dan kemas. Calon dapat mengemukakan jawapan secara teratur dengan menggunakan bahasa dan ayat yang gramatis.

> Beberapa tanggapan yang salah tentang khidmat kaunselor di sekolah ialah ~~mereka~~ mereka menganggap bahawa mereka yang berjumpa dengan kaunselor merupakan individu yang bermasalah semata-mata.

Calon tidak dapat menyatakan jawapan yang lengkap dari segi jumlah isi. Calon hanya mengemukakan satu isi sahaja. Calon kumpulan sederhana menggunakan bahasa dan ayat yang kurang gramatis.

> Tanggapan-tanggapan yang salah tentang khidmat kaunselor di sekolah ialah kaunselor bukanlah berperanan untuk menyelesaikan masalah seperti tanggapan sesetengah pihak. Selain itu, murid tidak seharusnya menganggap bahawa mereka yang berjumpa dengan kaunselor merupakan individu yang bermasalah semata-mata

> - Kaunselor bukanlah berperanan untuk menyelesaikan masalah seperti tanggapan sesetengah pihak.
> - tidak seharusnya menganggap bahawa mereka yang berjumpa dengan kaunselor merupakan individu yang bermasalah semata-mata.
> - ~~Kaunas~~ Tidak semua masalah kaunselor boleh selesai.

Calon kumpulan rendah tidak dapat mengenal pasti jawapan dalam petikan. Calon juga tidak memahami tugasan soalan. Terdapat juga calon yang memberikan jawapan sendiri yang tidak terdapat dalam petikan. Isi-isi yang diberikan tidak menepati kehendak soalan. Bahasa dan ayat yang digunakan juga tidak gramatis. Terdapat calon yang menjawab dalam bentuk nota.

**(iii) Pada pendapat anda, selain mendapatkan khidmat kaunselor, apakah tindakan-tindakan yang wajar dilakukan oleh murid untuk menangani masalah yang dihadapi oleh mereka?**

Pada pendapat saya, tindakan-tindakan yang wajar dilakukan oleh murid untuk menangani masalah yang oleh mereka adalah dengan menceritakan masalah tersebut kepada ibu bapa mereka sendiri. Selain murid tersebut boleh juga meluahkan segala ~~masah~~ masalah yang ada kepada rakan-rakan. Saya juga berpendapat bahawa murid juga sepatutnya mengambil rehat yang cukup dan beriadah untuk mengurang tekanan, memikirkan masalah tersebut. Murid juga boleh menyelesaikan masalah mereka dengan meminta pendapat dengan mana-mana guru yang disukainya. Murid juga sepatutnya mendekatkan diri dengan Tuhan dengan berdoa dan mohon ikhtiar.

Calon memahami tugasan soalan yang diberi. Calon dalam kumpulan tinggi ini mampu memberikan isi-isi yang menepati kehendak soalan dalam jumlah yang mencukupi. Terdapat juga calon yang mengemukakan isi yang lebih daripada mencukupi kerana mempunyai pengetahuan yang baik tentang tugasan yang diberikan. Jawapan diberikan menggunakan bahasa yang baik dan ayat yang gramatis

Pada pendapat saya, selain mendapatkan khidmat kaunselor, tindakan-tindakan yang wajar dilakukan oleh murid untuk menangani masalah yang dihadapi oleh mereka ialah menghadapi dan menangani masalah dengan penuh semangat keyakinan dan kepercayaan. Selain itu, mereka juga boleh melibatkan diri dalam ceramah yang berkaitan.

Pada pendapat saya, tindakan yang sepatutnya dilakukan oleh murid untuk menangani masalah ialah meluahkan masalah yang dihadapi kepada ibu bapa. Kerana ibu bapa lebih faham daripada cikgu. Selain ibubapa, kawan juga boleh menyelesaikan masalah dihadapi.

Calon kumpulan sederhana masih memahami tugasan soalan, namun kurang berupaya memberikan jawapan yang tepat. Calon juga mengemukakan jumlah isi yang tidak mencukupi atau hanya memberikan satu isi jawapan sahaja. Jawapan juga dikemukakan dalam ayat yang kurang gramatis.

Pada pendapat saya, tindakan - tindakan dilakukan oleh
murid untuk menangani masalah yang dihadapi oleh
mereka adalah ~~ibu~~ ibu bapa mestilah mendidik
anak sejak kecil. Hal ini menyebabkan murid
mempunyai ilmu tentang menangani masalah. Selain
itu, sekolah mesti sentiasa mengadakan ceramah
tentang menghadapi dan menangani masalah. Hal
ini terjadi kerana murid ingin menghadapi masalah
~~sendi-l sendiri~~ dan menangani masalah sendiri.

Secara keseluruhannya, calon dalam kumpulan rendah tidak memahami tugasan soalan. Calon tidak dapat memberikan isi-isi yang menepati kehendak tugasan soalan. Jawapan yang diberi menunjukkan calon tidak mempunyai pengetahuan untuk menjawab tugasan soalan. Bahasa dan ayat yang digunakan juga kurang gramatis.

**Soalan 2(b)**

**Soalan 2(*b*) – Petikan Prosa Moden**

*Baca petikan drama di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.*

| | | |
|---|---|---|
| CHONG | : | Kami rasa, kami sudah mempunyai kualiti-kualiti yang mencukupi sebagai sebuah negara model yang saudara sebutkan itu. Kami punyai satu bahasa kebangsaan sebagai bahasa perantaraan untuk tujuan integrasi nasional. |
| SALMAH | : | Kami punyai satu agama rasmi, sementara agama-agama lain dibenar untuk dipraktikkan. |
| CHANDRAN | : | Kami juga mempunyai satu kebudayaan nasional, yang mewakili seluruh cara hidup bangsa Malaysia. |
| SALMAH | : | Kami hidup dengan baik dan dalam *suasana muhibah*. Dari segi makanan saja sudah cukup sebagai bukti. |
| CHANDRAN | : | Misalnya, kalau orang India makan roti canai, orang Melayu dan orang Cina pun makan roti canai. |
| CHONG | : | Kalau orang Cina makan kuetiau, orang Melayu dan orang India pun makan kuetiau. |
| SALMAH | : | Kalau orang Melayu makan sambal belacan, orang Cina dan orang India pun makan sambal belacan! Demikianlah betapa harmoninya bangsa kami, bangsa Malaysia. |
| CHONG | : | Kami ada etika kerja yang berdasarkan slogan Bersih, Cekap dan Amanah. Dengan etika itu kami berharap untuk meningkatkan produktiviti. |
| SALMAH | : | Kami ada Dasar Ekonomi Baru sebagai strategi untuk menyusun semula masyarakat secara adil. Kami juga ada Rukun Negara sebagai panduan cara hidup masyarakat Malaysia. Ia diterima dengan baik. Apa, itu masih belum mencukupi? |

Dipetik daripada drama 'Forum Remaja'
oleh Sharif Shaary
dalam antologi *Harga Remaja*
Dewan Bahasa dan Pustaka

(i) Berikan maksud *suasana muhibah*.

2(b) i) Suasana muhibah bermaksud Keadaan harmoni.

Calon kumpulan tinggi dapat memberikan maksud rangkai kata yang diuji dengan tepat dan betul. Jawapan calon mengambarkan tahap penguasaan pemahaman kosa kata yang luas dan tinggi.

(i) maksud suasana muhibah ialah hidup dalam suasana yang harmoni.

Berdasarkan soalan 2(b)(i) maksud rangkai kata, calon kumpulan sederhana hanya memberikan maksud sebahagian daripada maksud keseluruhan rangkai kata yang diuji itu. Calon kategori ini masih mengekalkan mana-mana satu perkataan yang terdapat dalam rangkai kata yang diuji dan hanya mentafsir sebahagian perkataan sahaja.

i) maksud suasana muhibah ialah keadaan yang gembira dan bahagia.

Rangkai kata yang diuji gagal ditafsir dengan betul dan tepat oleh calon kumpulan rendah. Jawapan yang diberikan menggambarkan tahap penguasaan pemahaman kosa kata calon yang sangat lemah. Selain itu, calon gagal mentafsir dengan tepat maksud keseluruhan rangkai kata yang diuji itu.

(ii) **Selain meningkatkan produktiviti, amalan etika kerja berdasarkan slogan Bersih, Cekap dan Amanah membawa banyak kebaikan.**

**Berikan pendapat anda tentang kebaikan-kebaikan lain berdasarkan amalan etika kerja tersebut.**

ii) Pada pendapat saya, kebaikan-kebaikan ~~lain~~ lain ialah etika ini akan memupuk nilai moral dalam diri seorang pekerja. ~~Hal~~ Hal ini demikian kerana gejala-gejala negatif baik rasuah mahupun penyelewengan tidak akan berlaku. Selain itu, etika ini akan menaikkan imej negara Malaysia kerana mengamalkan etika kerja yang mulia. Seterusnya etika kerja kita akan menjadi ikutan negara-negara luar. Tambahan pula, para pekerja akan mempunyai kepercayaan antara satu sama lain sekaligus meningkatkan hubungan ukhwah antara para pekerja.

Calon kumpulan tinggi dapat mengemukakan pendapat dengan memberikan isi-isi yang tepat mengikut tugasan soalan. Jawapan yang diberikan menggambarkan tahap kematangan calon dan memiliki pengetahuan yang luas tentang isu yang dikemukakan. Calon berupaya menggunakan kemahiran berfikir aras tinggi untuk menyelesaikan tugasan yang diuji.

ii) Pada pendapat saya, antara kebaikan-kebaikan lain berdasarkan amalan etikan kerja tersebut ialah dapat melahirkan masyarakat yang mementingkan kebersihan. Oleh itu, wujudlah suasana negara yang harmoni dan nyaman. ~~try~~ ~~tanpa~~ Seterusnya, jenayah rasuah dapat dikurangkan. Oleh yang demikian, dapat ~~pal~~ melahirkan masyarakat yang amanah.

Tugasan yang berhubung dengan kemahiran berfikir ini masih mampu di jawab oleh calon kumpulan sederhana. Namun calon kurang mampu mengemukakan pendapat dengan tepat atau calon hanya mampu mengemukakan sebahagian sahaja pendapat tentang tugasan yang diuji. Pendapat calon tentang tugasan yang diberikan tidak menunjukkan kematangan yang tinggi. Bahasa yang digunakan calon juga kurang gramatis.

ii) - lebih bertanggungjawab menjadi seorang rakyat Malaysia.
- Sentiasa bersedia walau apa jua keadaan.
- Sentiasa Amanah apabila melakukan sesuatu tugas.

Bagi tugasan ini, calon kumpulan rendah tidak mampu mengemukakan pendapat dengan tepat tentang tugasan yang diuji. Jawapan calon tidak menggambarkan isi tugasan yang dikehendaki iaitu jawapan yang diberikan menyeleweng, tidak berkaitan dan sekadar memberikan hujah yang tidak menjurus kepada isu yang diuji.

(iii) Jelaskan **satu** pengajaran yang terdapat dalam petikan di atas dan **satu** pengajaran lain daripada drama tersebut yang tidak terdapat dalam petikan.

iii) Pengajaran yang terdapat dalam petikan ialah kita mestilah hidup bersatu padu dan aman damai, Contohnya, seperti yang diperkatakan oleh ~~ketiga-tiga mereka pelajar iaitu Salmah~~, Chandran ~~dan Chong~~. Kalau orang India makan roti canai, orang Melayu dan Cina pun makan roti canai.

Pengajaran lain ialah kita mestilah mempunyai sikap berani. Misalnya Salmah, Chong dan Chandran berani mempertahankan pendapat mereka ~~negara ini~~ apabila dipersoalkan tentang Malaysia oleh makhluk ~~itu~~ asing.

Calon kumpulan tinggi mampu mengemukakan jawapan yang tepat dan lengkap bagi tugasan yang diuji. Calon mampu memberikan jawapan yang tepat dan lengkap dengan huraian bagi satu pengajaran dalam petikan dan satu pengajaran lain dalam petikan drama. Jawapan calon menggambarkan tahap penguasaan pengetahuan yang tinggi tentang komponen sastera iaitu unsur pengajaran dalam petikan drama. Bahasa yang digunakan oleh calon sangat gramatis.

(iii) Satu pengajaran yang terdapat dalam petikan di atas ialah kita mestilah bertoleransi dan bertolak ansur antara satu sama lain mencapai perpaduan. Sebagai contoh, Malaysia mempunyai satu agama rasmi, sementara agama-agama lain dibenar untuk dipraktikkan. Satu pengajaran lain daripada drama tersebut yang tidak terdapat dalam petikan ialah kita mestilah bersatu padu dalam kehidupan yang bermasyarakat. Sebagai contoh, rakyat Malaysia hidup aman dan damai kerana masih lagi memahami antara satu sama lain atau dasar kesepaduan masyarakat.

Aspek komponen sastera yang diuji bagi soalan ini masih mampu dijawab oleh calon kumpulan sederhana. Namun calon hanya memberikan sebahagian sahaja isi bagi tugasan yang diuji iaitu sama ada jawapan tepat bagi unsur pengajaran dalam petikan atau unsur pengajaran dalam keseluruhan drama yang diuji. Jawapan calon menggambarkan tahap penguasaan pengetahuan tentang unsur sastera yang diuji berada pada tahap sederhana sahaja.

(iii) 1) Pengajaran yang saya peroleh ialah hidup bersatu padu tidak kira apa bangsa dan menjalinkan hubungan erat silaturahim.

2) kita hendaklah bertanggungjawab bagi apa-apa perkara yang kita peroleh apabila amanah telah diturunkan terhadap seseorang.

Tugasan berhubung dengan komponen sastera yang diuji sukar dijawab dengan tepat oleh calon kumpulan rendah. Hal ini demikian kerana, tahap penguasaan pengetahuan calon tentang unsur sastera yang diuji sangat lemah. Jawapan calon bercampur aduk dengan memberikan pelbagai unsur komponen sastera yang tidak tepat dalam jawapan mereka. Bahasa yang digunakan tidak gramatis.

**Soalan 2(c)**

## Soalan 2(*c*) – Petikan Prosa Tradisional

*Baca petikan prosa tradisional di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.*

Syahadan maka bertitahlah Yang Amtuan Raja Sulaiman kepada Opu Daeng yang berlima bersaudara, "Jikalau patut kepada akhir saya, jikalau baik serta dan suka Daeng yang berlima bersaudara boleh kita pakai. Jikalau belum baik rasanya, kita ubah pula. Jikalau boleh saya hendak berkhabar."

Kata Opu Daeng yang berlima, "Silakanlah bertitah, boleh saya semua mendengar."

Maka berkhabarlah Yang Amtuan Raja Sulaiman kepada Daeng yang berlima bersaudara itu. "Daeng Merewahlah kita jadikan Yang Amtuan Muda; dan Opu Daeng Chelak hendak saya kahwinkan dengan adik saya yang bernama Tengku Puan itu, lagi seorang yang belum berlaki. Maka adik saya yang tengah itulah diambil, dirampas oleh Yang Amtuan Raja Kecil dibawanya ke Siak dibuatnya bini." Demikianlah khabar Yang Amtuan Raja Sulaiman. "Jikalau suka demikian itu, Daeng yang berlima bersaudara boleh saya dengar."

Maka menjawablah Opu Daeng yang berlima bersaudara, "Baiklah. Jika demikian itu, muafakatlah saya lima bersaudara ini."

Dan setelah selesai bicara demikian itu, maka *bermohonlah pulang kepada kenaikannya*.

Dipetik daripada
'Hikayat Opu Daeng Menambun'
dalam antologi *Dirgahayu Bahasaku*,
Dewan Bahasa dan Pustaka

(i) Berikan maksud *bermohonlah pulang kepada kenaikannya*.

i) Maksud bermohonlan pulang kepada kenaikannya ialah meminta kebenaran untuk kembali ke kapal mereka.

Calon memahami maksud rangkai kata yang diuji. Calon kumpulan tinggi dapat menjawab soalan maksud rangkai kata dengan tepat. Jawapan calon dalam ayat yang gramatis.

i) Bermohonlah pulang kepada kenaikannya bermausud berminta untuk balik ke tempatnya.

Keseluruhannya calon kumpulan sederhana tidak dapat memberikan makna rangkai kata dengan tepat. Calon hanya dapat memberikan makna bagi sebahagian rangkai kata sahaja dan sebahagian lagi diberikan makna yang kurang tepat. Bahasa dan ayat masih gramatis.

i) Maksud bermohonlah pulang kepada kenaikannya ialah balik atau bersurai.

Calon kumpulan rendah tidak memahami makna rangkai kata yang diuji. Jawapan yang diberikan langsung tidak menepati kehendak soalan.

(ii) Yang Amtuan Raja Sulaiman telah mengemukakan beberapa perkara kepada Daeng yang berlima bersaudara.

Nyatakan perkara-perkara tersebut.

(ii) Beberapa perkara telah dikemukakan oleh Yang Amtuan Raja Sulaiman kepada Daeng yang berlima bersaudara ialah Daeng Merewah dijadikan Yang Amtuan Muda. Selain itu, apa Daeng Chelak akan dikahwinkan dengan adik baginda, Tengku Puan. Seterusnya, adik baginda yang tengah telah dirampas oleh Yang Amtuan Raja Kecil dan di dibawa ke Siak untuk dikahwini.

Keseluruhannya, calon dapat mengenal pasti isi-isi jawapan yang terdapat petikan. Calon dalam kumpulan tinggi berupaya mengemukakan jawapan dengan tepat menggunakan bahasa dan ayat-ayat yang baik serta gramatis.

ii) Yang Amtuan Raja Sulaiman mengemukakan beberapa perkara
kepada Daeng yang berlima bersoudara. Antaranya ialah Daeng
Merewah hendak dijadikan Yang Amtuan Muda. Opu Daeng Chelak
pula perlu dikahwinkan dengan adik Yang Amtuan Raja Sulaiman yang
bernama Tengku Puan. Daeng yang berlima bersaudara juga perlu
mengambil balik adik Yang Amtuan Raja Sulaiman yang ~~tengah~~ tengah
yang telah dirampas oleh Yang Amtuan Raja kecil untuk
diperisterikan.

Calon masih memahami kehendak soalan dan dapat mengenal pasti jawapan dalam petikan. Walau bagaimanapun, calon hanya tidak dapat mengemukakan isi yang cukup. Calon hanya mampu mengemukan satu isi sahaja atau hanya satu jawapan yang menepati kehendak tugasan soalan.

ii Antara perkara-perkara adalah Yang Amtuan Sulaiman
telah membincangkan dengan ~~Opu~~ Opu Daeng yang
berlima bersaudara sebelum membuat keputusan.
Yang Amtuan Raja Sulaiman mahu Opu Daeng
berkahwin dengan adik ~~dia~~ baginda yang bernama Tengku Puan.

Calon kumpulan rendah tidak memahami kehendak soalan. Calon tidak dapat menentukan isi-isi jawapan yang terdapat dalam petikan. Calon juga mengemukakan isi-isi yang bukan menjadi jawapan tugasan soalan. Bahasa dan ayat yang digunakan kurang gramatis.

**(iii)** **Yang Amtuan Raja Sulaiman telah berbincang dengan Opu Daeng yang berlima bersaudara sebelum membuat keputusan.**

**Pada pendapat anda, mengapakah baginda perlu berbincang?**

iii) Pada pendapat saya, baginda perlu berbincang
kerana, dengan berbincang mereka dapat menyelesaikan
masalah dengan cepat dan mudah. Selain itu, baginda
dapat mengelakkan salah faham antara sesama.

Keseluruhannya, calon memahami tugasan soalan. Calon kumpulan tinggi berupaya menghuraikan jawapan dengan jelas dan tepat walaupun dalam ayat yang ringkas. Jawapan yang diberikan menunjukkan kematangan calon dalam memberikan pendapat. Bahasa dan ayat yang digunakan baik dan gramatis.

(iii) Pada pendapat saya baginda perlu berbincang supaya ~~saya~~ sesuatu perkara dapat diselesaikan dengan beterusan[?] da[?] dapat diselesaikan dengan adil dan baik.

Jawapan calon kumpulan sederhana masih menunjukkan pemahaman terhadap tugasan soalan. Namun calon dalam kumpulan ini hanya dapat memberikan satu isi jawapan yang betul sahaja. Keadaan ini menunjukkan calon kurang menguasai isu dalam tugasan soalan. Bahasa dan ayat yang digunakan masih gramatis.

iii Pada pendapat saya, baginda perlu berbincang kerana baginda takut Opu Daeng tidak mahu berkahwin dengan Tengku Puan. Baginda mahu menggunakan ~~negara~~ dalam dua negara untuk meningkatkan ekonomi negara baginda.

Calon kumpulan rendah tidak memahami tugasan soalan. Calon tidak dapat memberikan jawapan yang sepatutnya. Calon memberikan jawapan mengikut pemahaman sendiri yang yang menyimpang daripada kehendak sebenar tugasan soalan.

**Soalan 2(*d*) – Sajak**

*Baca sajak di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.*

**Mahsuri**

(1)
Selendangmu mengibar di pantai
menyambut tetamu pulau
setiamu menjadi lagu
nyanyian ombak pagi
rambutmu menjadi jalur hitam
terapung di laut malam
air matamu dingin embun
jatuh di tujuh telaga
dendam tujuh keturunan
melengkung tujuh tanjung
putihlah pulau ini
disimbah darah suci
Mahsuri
sumpah itulah yang telah menghidupkan Langkawi
kerana tanpamu
Langkawi tidak sebegini.

(2)
Kata orang Mahsuri tidak pernah hidup
dia hanya bermula dengan
*khayalan seorang seniman*
pun kata orang Mahsuri pernah hidup
tetapi bahasa seorang pencerita
membuatnya lebih hidup dari kehidupannya
sastera yang mewarnai tanah air
kerana tanpa Mahsuri
Langkawi tidak sebegini bererti.
Mahsuri membesarkan Langkawi
sastera membesarkan tanah air.

**Zurinah Hassan**
dalam antologi *Harga Remaja*,
Ikon Inter Active Sdn. Bhd.

(i) Berikan maksud *khayalan seorang seniman*.

> i) Maksud khayalan seorang seniman ialah imaginasi seorang karyawan .

Calon kumpulan tinggi dapat memberikan maksud rangkai kata yang diuji dengan tepat dan betul. Jawapan calon mengambarkan tahap penguasaan pemahaman kosa kata yang luas dan tinggi.

> (i) Khayalan seorang ~~[illegible]~~ seniman ialah angan-angan seorang yang menceburi bidang seni.

Berdasarkan soalan 2(***d***)(i) maksud rangkai kata, calon kumpulan sederhana hanya memberikan maksud sebahagian daripada maksud keseluruhan rangkai kata yang diuji itu. Calon kategori ini masih mengekalkan mana-mana sebahagian perkataan yang terdapat dalam rangkai kata yang diuji dan hanya mentafsir sebahagian perkataan sahaja.

> i) Maksud khayalan Seorang Seniman ialah bayangan insan terulung .

Rangkai kata yang diuji gagal ditafsir dengan betul dan tepat oleh calon kumpulan rendah. Jawapan yang diberikan menggambarkan tahap penguasaan pemahaman kosa kata calon yang sangat lemah. Selain itu, calon gagal mentafsir dengan tepat maksud keseluruhan rangkai kata yang diuji itu.

(ii) Kisah Mahsuri merupakan satu legenda yang membuatkan Langkawi terkenal di seluruh dunia.

Pada pendapat anda, apakah yang perlu dilakukan untuk memastikan legenda Mahsuri terus hidup sebagai warisan sejarah?

(ii) Pada pendapat saya, untuk memastikan lagenda Mahsuri terus hidup sebagai warisan sejarah, kita perlu menjaga kebersihan makam Mahsuri. Kita juga patut mempromosikan pakej-pakej pelancongan supaya orang asing berkunjung ke Makam Mahsuri. Selain itu, kerajaan hendak menerbitkan lagenda Mahsuri dalam sukatan mata pelajaran Sejarah.

Calon kumpulan tinggi dapat mengemukakan pendapat dengan memberikan isi-isi yang tepat mengikut tugasan soalan. Jawapan yang diberikan menggambarkan tahap kematangan calon yang tinggi dan memiliki pengetahuan yang luas tentang tugasan yang dikemukakan. Calon berupaya menggunakan kemahiran berfikir aras tinggi untuk menyelesaikan tugasan yang diuji yang berkait dengan lagenda Mahsuri.

ii) Pada pendapat saya. saya perlu melakukan untuk memastikan lagenda Mahsuri terus hidup sebagai warisan sejarah ialah melancong tempat sejarah lagenda Mahsuri. Selain itu, membeli buku-buku tentang lagenda Mahsuri serta mempamerkan buku-buku tentang lagenda Mahsuri kepada orang ramai. Akhir sekali, ~~pihak berkuasa jugo boleh~~ saya akan memajukan tempat sejarah lagenda Mahsuri serta menjaga tempat sejarah dengan baik dengan tidak merosakkan harta benda.

Tugasan yang berhubung dengan kemahiran berfikir ini masih mampu di jawab oleh calon kumpulan sederhana. Namun calon kurang mampu mengemukakan pendapat dengan tepat atau calon hanya mampu mengemukakan sebahagian sahaja pendapat tentang tugasan yang diuji. Pendapat calon tentang tugasan yang diberikan menunjukkan pengetahuan berfikir calon tentang tugasan yang dikaitkan dengan lagenda Mahsuri berada pada paras sederhana. Bahasa yang digunakan calon juga kurang gramatis.

ii- Pada pendapat saya, perkara yang perlu dilakukan untuk memastikan lagenda Mahsuri terus hidup sebagai warisan sejarah ialah pihak kerajaan perlulah menganjurkan pertandingan pidato yang berkaitan ~~di perin~~ dengan Mahsuri di peringkat antarabangsa.

Bagi tugasan ini, calon kumpulan rendah tidak mampu mengemukakan pendapat dengan tepat tentang tugasan yang diuji.  Jawapan calon tidak menggambarkan isi tugasan yang dikehendaki iaitu calon tidak berupaya mengaplikasikan kemahiran berfikir untuk dikaitkan dengan tugasan.

(iii) Huraikan **dua** persoalan yang terdapat dalam sajak di atas.

(iii) Dua persoalan yang terdapat dalam sajak di atas ialah dendam yang berpanjangan merosakkan masyarakat ~~masyarakat~~. sebagai contoh, Mahsuri telah berdendam ~~ke kepada~~ sehingga tujuh keturunan seseorang tersebut. Persoalan yang lain ialah lagenda menjadikan sesebuah ~~menjadi kenyataan~~ tempat popular. Sebagai contoh, lagenda Mahsuri ~~men~~ menyebabkan Langkawi semakin terkenal ~~semakin ter~~ dan pelancong dari luar negara semakin ramai mengunjunginya.

Calon kumpulan tinggi dapat memberikan dua persoalan beserta huraian dengan tepat seperti yang dikehendaki oleh tugasan soalan.  Terdapat calon kumpulan ini mampu memberikan lebih daripada dua isi yang diperlukan. Bahasa yang digunakan oleh calon sangat gramatis. Jawapan calon menunjukkan tahap penguasaan yang tinggi berkaitan unsur sastera.

iii) Satu persoalan yang terdapat dalam sajak di atas ialah persoalan orang yang tidak mempercayai unsur mitos. Contohnya, sesetengah orang berpendapat bahawa Mahsuri tidak pernah hidup ~~ke~~ dan hanya merupakan khayalan seorang seniman manakala ~~a~~ terdapat orang yang berkata bahawa Mahsuri pernah hidup tetapi kehidupannya ~~telah~~ hanya seperti biasa.

Persoalan yang seterusnya ialah persoalan cinta terhadap sastera tempatan. Dalam sajak tersebut, penyajak sangat ~~b~~ bersemangat tentang sastera Melayu kerana dia beranggapan bahawa sastera telah membantu membentuk negara kita pada hari ini.

Jawapan calon kumpulan sederhana tentang dua persoalan yang diuji dalam tugasan memperlihatkan bahawa calon hanya mampu memberikan sebahagian sahaja jawapan yang bertepatan dengan kehendak tugasan soalan. Terdapat juga calon yang mampu memberikan isi tugasan tetapi tanpa huraian yang lengkap atau memberi isi tanpa huraian. Bahasa yang digunakan pula kurang gramatis.

iii) Antara dua persoalan yang terdapat dalam sajak di atas ialah persoalan cinta akan negara. Mahsuri sanggup berkorban nyawa untuk menghidupkan nama Langkawi. Persoalan yang kedua ialah persoalan berani menghadapi risiko. Contohnya, Mahsuri berani mengikuti suaminya yang tegas.

Berdasarkan soalan 2(d)(iii), calon kumpulan rendah tidak dapat memberikan isi-isi yang dikehendaki berkaitan dengan tugasan soalan. Jawapan calon tidak menggambarkan persoalan yang terdapat dalam puisi. Terdapat juga calon mengemukakan jawapan dengan memberikan unsur pengajaran atau nilai murni bagi tugasan soalan ini. Bahasa yang digunakan oleh calon kumpalan rendah ini tidak gramatis.

**Soalan 3 (Pengetahuan dan kemahiran bahasa)**

**Soalan 3(a)**

**Soalan 3 : Pengetahuan dan Kemahiran Bahasa**

*Jawab* **semua** *soalan.*

(*a*) *Tulis* **satu ayat bagi setiap rangkai kata** *di bawah untuk menunjukkan bahawa anda faham akan maksud dan penggunaannya. Anda tidak boleh menambahkan, menukarkan atau menggugurkan imbuhan atau menggunakan rangkai kata itu sebagai peribahasa atau nama khas.*

(i) putih bersih

(ii) bersatu hati

(iii) titik permulaan

(iv) kenangan manis

(v) berpandangan jauh

(vi) menenangkan fikiran

3 · a)

i) Ramai yang memuji muka budak itu kerana mukanya putih bersih.

ii) Akhirnya pasangan suami isteri yang bergaduh itu bersatu hati kembali.

iii) Titik permulaan kepada kejayaan adalah dengan usaha.

iv) Rashdan tidak dapat melupakan kenangan manis bersama bekas tunangnya.

v) Seorang pemimpin harus berpandangan jauh dalam memimpin negara.

vi) Suhaila menenangkan fikirannya daripada masalah di pantai.

Calon kumpulan tinggi memahami maksud rangkai kata yang diuji. Calon dapat membina ayat dengan tepat, gramatis dan logik menggunakan rangkai kata yang diuji. Tiada kesalahan tatabahasa dan ejaan yang dilakukan oleh calon. Penggunaan rangkai kata dalam ayat tepat untuk menjelaskan maksud perkataan yang diuji. Kesimpulannya, calon dapat menggunakan rangkai kata yangdiuji dengan betul dan bermakna.

a) i) Baju sekolah adik saya putih bersih.

ii) Saya ingin bersatu hati dengan awak sampai bila-bila.

iii) Saya berlari dengan kawan-kawan saya bermula titik permulaan sehingga garisan penamat.

iv) Saya dengan kawan lama saya banyak kenangan manis bersama-samanya.

v) Saya dengan adik berpandangan jauh kerana adik tidak dapat keluar.

vi) Pak cik saya menenangkan fikiran di luar negara.

Berdasarkan tugasan soalan ini, calon kumpulan sederhana masih memahami maksud rangkai kata yang diuji dengan baik. Calon masih berupaya membina ayat dengan tepat, gramatis, dan logik menggunakan rangkai kata yang diuji. Calon masih mampu menjawab 3 atau 4 rangkai kata yang diuji daripada 6 rangkai kata yang diuji. Calon gagal memahami maksud rangkai kata ***'bersatu* hati' (rangkai kata ii)** dan ***'titik permulaan'(rangkai kata iii)*** yang diuji. Calon melakukan sedikit kesalahan tatabahasa dan ejaan dalam ayat yang dibina. Kesimpulannya, calon masih dapat menggunakan rangkai kata yangdiuji dengan betul dan bermakna.

a) i. Esok amin akan pakai baju putih bersih untuk ke sekolah.

ii. Alia dan Ali bersatu hati untuk kebahagiaan mereka.

iii. Abu menunggu hatinya di titik permulaan untuk lumba lari.

iv) ~~Kenangan~~ ayah bercerita kepada anaknya kenangan manis untuk dijadikan tauladan.

v) Ali berpandangan jauh untuk melihat amira.

vi) Meon sedang menenangkan fikiran untuk menyelesaikan masalah.

Rangkai kata yang diuji dalam tugasan soalan ini tidak dapat difahami maksudnya oleh calon kumpulan rendah. Calon tidak berupaya membina ayat dengan tepat daripada rangkai kata yang diuji. Ayat yang dibina menggambarkan respon calon terhadap tugasan sangat lemah.

**Soalan 3 (b)**

(*b*) *Kenal pasti dan tulis* **subjek dan predikat yang lengkap** *bagi setiap ayat seperti yang berikut*;

Subjek : ____________________

Predikat : ____________________

(i) Atlet muda itu telah mengharumkan nama Malaysia dalam Sukan Komanwel.

(ii) Sejak di bangku sekolah lagi abang terkenal dengan sikapnya yang ringan tulang.

(iii) Penjagaan pelbagai kemudahan yang terdapat di taman rekreasi menjadi tanggungjawab semua pihak.

i) Subjek : Atlet muda itu
Predikat : Telah mengharumkan nama Malaysia dalam
Sukan Komanwel.

ii) Subjek : Abang
Predikat : Terkenal dengan sikapnya yang ringan tulang sejak
di bangku sekolah lagi.

iii) Subjek : Penjagaan pelbagai kemudahan yang terdapat di
taman rekreasi
Predikat : Menjadi tanggungjawab semua pihak.

Calon berupaya mengklasifikasikan subjek dan predikat dalam ayat dengan tepat, betul dan lengkap dalam jawapan mereka. Calon kumpulan tinggi ini berupaya memahami tugasan soalan iaitu membezakan subjek dan predikat dalam ayat yang diberi. Jawapan calon mengambarkan pemahaman yang baik tentang konsep subjek dan predikat dalam ayat.




Calon kumpulan sederhana masih berupaya memahami tugasan soalan iaitu membezakan subjek dan predikat dalam ayat yang diberi. Calon masih berupaya mengklasifikasi sebahagian tugasan soalan dengan tepat, betul dan lengkap dalam jawapan mereka. Jawapan calon masih menggambarkan pemahaman yang baik tentang konsep subjek dan predikat dalam ayat namun tidak menggambarkan tahap pemahaman yang menyeluruh. Calon hanya berupaya menjawab dengan betul sebahagian soalan sahaja.




Tugasan soalan iaitu membezakan subjek dan predikat dalam ayat yang diberi tidak mampu dijawab oleh calon kumpulan rendah. Calon tidak berupaya mengklasifikasi tugasan soalan dengan tepat, betul dan lengkap dalam jawapan mereka. Jawapan calon menggambarkan tahap pemahaman yang lemah tentang konsep subjek dan predikat dalam ayat. Calon hanya berupaya menjawab dengan betul 1 daripada 3 soalan yang diuji. Terdapat juga calon yang langsung tidak dapat menjawab dengan betul tugasan soalan yang diuji.

**Soalan 3 (c)**

(*c*) *Dalam setiap ayat di bawah, terdapat* **satu kesalahan ejaan** *dan* **satu kesalahan dari segi imbuhan**. *Senaraikan dan betulkan kesalahan-kesalahan itu. Bagi setiap ayat, anda tidak boleh menyenaraikan lebih daripada satu kesalahan ejaan dan satu kesalahan dari segi imbuhan. Anda tidak perlu menyalin ayat itu semula.*

(i) Majlis dailog antara guru dengan ibu bapa akan diadakan dalam masa berdekatan untuk membincangkan masalah disiplin murid.

(ii) Kerajaan telah memperuntukkan berbillion ringgit untuk persediaan prasarana di kawasan pedalaman.

(iii) Demi memastikan keselamatan penumpang, pihak berkuasa sering menjalani pemantauan terhadap bas-bas ekspress terutamanya pada musim perayaan.

| c) | Ejaan | Imbuhan |
|---|---|---|
| i) | dialog | terdekat |
| ii) | berbilion | menyediakan |
| iii) | ekspres | menjalankan |

Calon kumpulan tinggi dapat mengesan dan mengenal pasti satu kesalahan ejaan dan satu kesalahan imbuhan yang terdapat dalam setiap ayat yang diuji. Calon mampu menjawab semua soalan dengan betul.

| | |
|---|---|
| (c)(i) | Dailog – dialog |
| | Berdekatan – terdekat |
| (ii) | Prasarana – pasaran |
| | Pedalaman – pendalaman. |
| (iii) | Bas-Bas – bas |
| | Ekspress – ekspres |

Berdasarkan soalan, calon dihendaki mengenal pasti satu kesalahan ejaan dan satu kesalahan imbuhan. Calon kumpulan sederhana masih mampu menjawab dengan betul. Calon kumpulan ini masih dapat mengesan dan mengenal pasti sebahagian kesalahan ejaan dan kesalahan imbuhan yang terdapat dalam setiap ayat yang diuji iaitu sebahagian jawapan masih tepat manakala pada soalan tertentu calon gagal menjawab soalan.

| | |
|---|---|
| i | dengan – dan |
| | disiplin - displin |
| | |
| ii | memperuntukkan - memperuntuk |
| | pedalaman - pendalaman |
| | |
| ii | bas-bas - bas |
| | ekspress - ~~ekt~~ ekspres |

Tugasan soalan ini gagal dijawab oleh calon kumpulan rendah iaitu gagal mengesan dan mengenal pasti semua kesalahan ejaan dan kesalahan imbuhan yang terdapat dalam setiap ayat yang diuji. Hal ini demikian kerana penguasaan aspek ejaan dan penggunaan imbuhan calon yang terlalu lemah. Namun masih ada calon dalam kategori ini yang berupaya mengemukakan 1 atau 2 jawapan yang betul. Kelemahan calon kategori ini juga ialah memberikan jawapan yang salah pada ejaan dan imbuhan yang betul dalam setiap ayat yang diuji.

**Soalan 3 (d)**

(*d*) *Dalam setiap ayat di bawah, terdapat* **satu kesalahan penggunaan kata atau istilah** *dan* **satu kesalahan tatabahasa**. *Senaraikan dan betulkan kesalahan-kesalahan itu. Bagi setiap ayat, anda tidak boleh menyenaraikan lebih daripada satu kesalahan penggunaan kata atau istilah dan satu kesalahan tatabahasa. Anda tidak perlu menyalin ayat itu semula.*

(i) Sikap profesion yang ditunjukkan oleh pegawai itu amat dikagumi oleh saya.

(ii) Kerajaan telah mengambil beberapa langkah-langkah positif untuk memelihara seni muzik gambus supaya tidak pupus dimakan zaman.

(iii) Sungai Melaka yang menyusur di tengah-tengah Bandar Raya Melaka di suatu masa dahulu amat kotor tetapi kini telah diperindah hingga menjadi daya tarikan pelancong.

| d) | Kata atau istilah | Tatabahasa |
|---|---|---|
| i) | profesional | amat saya kagumi |
| ii) | ditelan | beberapa langkah |
| iii | mengalir | pada |

Calon kumpulan tinggi dapat mengesan dan mengenal pasti satu kesalahan penggunaan kata atau istilah dan satu kesalahan tatabahasa yang terdapat dalam setiap ayat. Calon berupaya menggantikan kesalahan penggunaan kata atau istilah dengan perkataan yang lebih tepat penggunaannya dan membetulkan kesalahan tatabahasa

dalam setiap ayat yang diuji dengan tepat. Calon mampu menjawab semua soalan dengan betul.

d) kesalahan penggunaan kata atau istilah

| | Salah | betul |
|---|---|---|
| i) | profeson | Profesional |
| ii) | positif | inisiatif |
| iii) | di suatu masa dahulu | pada suatu masa dahulu |

kesalahan tatabahasa

| | Salah | betul |
|---|---|---|
| i) | amat dikagumi oleh saya | amat dikagumi saya |
| ii) | beberapa langkah-langkah | beberapa langkah |
| iii) | telah diperindah hingga menjadi | telah diperindah sehingga menjadi |

Berdasarkan tugasan soalan ini, calon kumpulan sederhana masih dapat mengesan dan mengenal pasti kesalahan penggunaan kata atau istilah dan kesalahan tatabahasa yang terdapat dalam setiap ayat. Namun tidak semua kesalahan pengunaan kata atau istilah dan kesalahan tatabahasa yang diuji dapat dikenalpasti oleh calon. Calon hanya berupaya mengenal pasti 3 atau 4 kesalahan penggunaan kata atau istilah dan kesalahan tatabahasa dalam setiap ayat yang diuji serta membetulkan kesalahan itu dengan tepat.

(i) profesion - profesional
oleh - dari

(ii) Untuk - serta
dimakan - ketinggalan

(iii) dipeindah - diindahkan
~~hingga~~ ~~sehingga~~
di - pada

Calon kumpulan rendah tidak dapat mengesan dan mengenal pasti kesalahan penggunaan kata atau istilah dan kesalahan tatabahasa yang terdapat dalam setiap ayat yang diuji Ada calon yang berjaya mengesan kesalahan penggunaan kata atau istilah namun gagal menggantikan penggunaan kata atau istilah itu dengan kata atau istilah yang tepat. Hal ini demikian kerana, kelemahan calon menguasai asas tatabahasa.

**Soalan 3 (e)**

(*e*) *Berikan peribahasa yang bersesuaian dengan maksud peribahasa di bawah.*

(i) Menurut sahaja kehendak orang lain.

(ii) Segala keperluan sudah ada, hanya menanti masa untuk melakukannya.

(iii) Orang yang bertuah mendapat keuntungan atau rezeki dari mana-mana sahaja.

3) e) i) Ibarat kerbau dicucuk hidung.

ii) ~~Per~~ Dayung sudah ditangan, perahu sudah di air.

iii) Durian runtuh

Tugasan soalan ini meminta calon mengemukakan peribahasa yang sesuai dengan maksud peribahasa yang diberikan. Calon kumpulan tinggi dapat mengemukakan peribahasa yang tepat yang membawa maksud yang sama dengan maksud peribahasa yang diuji. Calon mampu memberikan jawapan yang tepat bagi kesemua maksud peribahasa yang diuji.

e) i. Bagai kerbau dicucuk hidung

ii. Sampan sudah di air, dayung sudah di tangan

iii. Tuah ayam nampak di kaki, tuah manusia siapo yang tahun.

Calon kumpulan sederhana masih mampu memberikan sebahagian peribahasa yang tepat bagi maksud peribahasa yang diuji. Secara keseluruhannya calon mampu memberikan peribahasa yang tepat dengan tugasan bagi soalan 3 (*e*)(i) dan 3(*e*)(iii) sahaja dan sukar memberikan peribahasa yang tepat bagi soalan 3(*e*)(ii).

i Bagaikan lembu dicucuk hidung.

ii Dimana ada kemahuan di situ ada jalan.

iii Bagai tikus perbaiki labu.

Berdasarkan tugasan soalan yang menghendaki calon memberikan peribahasa bagi maksud peribahasa yang diuji, calon kumpulan rendah tidak mampu memberikan jawapan yang tepat. Terdapat juga calon yang mengemukakan jawapan peribahasa yang jauh menyimpang dari jawapan yang tercatat dalam peraturan pemarkahan.

## Soalan 4 : Novel

### Soalan 4(a)

**Soalan 4 : Novel**

*Jawab soalan-soalan di bawah berdasarkan novel-novel yang berikut:*

(i) Papa ... (akhirnya kau tewas jua!) karya Deana Yusof

(ii) Melunas Rindu karya Hartini Hamzah

(iii) Azfa Hanani karya Halis Azhan Mohd Hanafiah

(iv) Renyah karya Gunawan Mahmood

(v) Konserto Terakhir karya Abdullah Hussain

(vi) Kembara Amira karya Amer Hamzah L.Kadir

(vii) Kabus di Perbukitan karya Mohamad Kholid Hamzah

(viii) Sutera dalam Lukisan karya Abd. Talib Hassan

(*a*) Berdasarkan sebuah novel yang anda pelajari, huraikan cara watak utama menyelesaikan **satu konflik** yang dihadapinya.

a) ~~Novel yang saya pelajari~~

Novel tingkatan empat yang telah saya pelajari ( Papa akhirnya kau tewas jua ! ) karya Deana Yusof telah menunjukkan watak utama mengalami konflik dan cara watak utama menyelesaikan. Watak utama di dalam novel ini ialah Intan Julia (Ju) anak kepada Jeffri dan Intan Maliana. Ju mempunyai adik kembar siam tetapi telah meninggal dunia dalam kandungan. Ju seorang pelajar yang mengambil SPM di SMK Seri Gading. Mama Ju seorang cikgu di sekolah sama dengan Intan Julia

Terdapat satu konflik yang dihadapi oleh Intan Julia. Buktinya, Setelah Intan Maliana koma bertahun-tahun, papa telah kenal seorang perempuan bernama Aishah. Namun, Ju tidak suka papa mengahwini Aishah kerana Ju menganggap papa tidak sayang lagi mama. Selain itu, papa juga tidak suka Ju kawan dengan Rasylan kerana papa menganggap Rasylan orang yang tidak baik.

Konflik ini dapat diselesaikan setelah Ju membenarkan papa berkahwin dengan Aishah kerana Ju kesian akan papa yang setelah lama bersendirian dan Ju juga faham yang papa juga ada nafsu. Selain itu daripada konflik ini, papa juga membenarkan Ju berkawan dengan Rasylan setelah menyiasat latar belakang Rasylan.

a) Novel yang telah saya kaji ialah Melunas Rindu karya Hartini Hamzah.

Dalam novel ini Fuad telah berjaya menyelesaikan satu konflik yang melanda dirinya iaitu konflik mencari pusara ibunya. Fuad begitu merindui ibunya hingga dia berkeinginan untuk mencari pusara ibunya. Fuad berusaha mencari pusara ibunya dengan bersungguh-sungguh. Bermula dengan menjejakkan kaki semula di Sungai Ruan di mana bapa saudaranya Peter Lim tinggal ~~di situ~~ di kawasan itu. Fuad bertanya kepada Peter Lim tentang pusara ibunya. Peter Lim meminta Pak Said membawa Fuad ke rumah Pak Ngah Lias untuk mendapatkan maklumat tentang pusara ibunya. Akhirnya, Fuad berjaya membongkar yang ibunya masih hidup. Ternyata Fuad merupakan abang tiri Farhana kerana ibunya dan ibu Farhana merupakan orang yang sama. Fuad berjaya menyelesaikan konflik pencarian ibunya apabila dia bertemu ibunya terlantar sakit di hospital bersama Farhana.

a) ~~Berdasarkan~~

Sebuah novel yang telah saya pelajari ialah novel Azfa Hanani karya Halis Azhan Mohd Hanafiah. Terdapat satu konflik yang ~~dihadapi oleh~~ diselesaikan oleh watak ~~m~~ ulama.

Watak ulama dalam novel ini ialah Azfa Hanani yang menghadapi konflik ~~diantara dengan Tengku Musa Muzaffar~~.

Azfa Hanani merasakan ada sesuatu yang tidak kena diantara hubungan Tengku Murni dengan Ekran. Ekran menyatakan bahawa dia mempunyai hubungan yang istimewa bersama Tengku ~~Murni~~ Mani tetapi ada seseorang yang cuba menghalangnya.

Azfa Hanani cuba mencari siapakah penghalangnya dengan membaca diari Tengku Murni dan menjumpai ~~terdapat~~ satu perkataan yang ~~terped~~ dipadam menggunakan pemadam kertas. Azfa Hanani akhirnya berjaya membaca perkataan tersebut dan seterusnya mengetahui siapakah yang menjadi penghalang ~~hubungan antara hubungan~~ hubungan Tengku Murni dengan Ekran

Azfa Hanani mengetahui bahawa Abang Muzaffar ialah penghalangnya.

Berdasarkan novel Kenyah karya Gunawan Mahmood, watak utama mempunyai cara tersendiri untuk menyelesaikan konflik yang dihadapinya.

Konflik yang dihadapi watak utama ialah seorang bapa yang terpaksa berhadapan dengan kerenah serta masalah anak-anaknya. Antara cara watak utama menyelesaikan konflik yang dihadapinya adalah dengan menghantar anaknya yang terlibat dengan dadah ke pusat pemulihan. Sebagai contoh, ~~Dani~~ Datuk Dolhi menghantar Dani yang terlibat dengan dadah ke pusat serenti.

Selain itu, kerenah anak-anaknya yang tidak berminat dalam bidang perniagaan menyebabkannya bergantung harapan kepada anak lelakinya hasil perkahwinannya dengan isteri kedua. Sebagai contoh, Datuk Dolhi menyerahkan tanggungjawab mengurus Dolhi-Albert Holdings kepada Wahi setelah kelima-lima anaknya yang lain menolak tawaran tersebut. Datuk Dolhi terlebih dahulu telah menghantar Wahi ke Jepun untuk menimba ilmu dan pengalaman.

Di samping itu, kerenah anak lelakinya yang terlibat dengan gejala rasuah. Seorang bapa yang kasih akan anak menjamin anaknya yang terlibat dengan rasuah. Sebagai contoh, Datuk Dolhi menjamin Hasnol setelah Hasnol ditangkap pihak berkuasa kerana terlibat dengan rasuah.

(a) Berdasarkan novel yang telah saya pelajari iaitu Konserto Terakhir karya Abdullah Hussain, watak utama dalam novel ini ialah Hilmi.

Antara konflik yang terpaksa dihadapi oleh Hilmi ialah konflik dirinya dengan Datin Salmah. Datin Salmah sangat membenci Hilmi dan sering kali menghina Hilmi kerana Hilmi merupakan pemuda miskin yang berasal dari kampung dan tidak mempunyai pelajaran yang tinggi. Datin Salmah berasa malu untuk memperkenalkan Hilmi sebagai anak buah suaminya kepada rakan-rakannya. Dia berusaha sedaya upaya untuk mengeluarkan Hilmi dari rumah tersebut.

Cara Hilmi menyelesaikan konflik ini adalah dengan hanya mendiamkan diri tanpa melawan sepatah pun apa yang diperkatakan oleh Datin Salmah. Malah, Hilmi sangat menghormati ibu saudaranya itu dengan bekerja bersungguh-sungguh sehingga mampu mencantikkan taman di rumah itu dan mendapat pujian daripada rakan-rakan Datin Salmah. Apabila Hilmi tidak mampu lagi untuk bersabar dengan sikap ibu saudaranya itu, dia mengambil keputusan untuk keluar dari rumah tersebut.

4)a)

Berdasarkan novel Kembara Amira karya Amer Hamzah L.Kadir, watak utama dalam novel ini adalah Amira. ~~Konflik~~ Terdapat pelbagai konflik yang dihadapi oleh Amira antaranya peristiwa kehilangan Malique. Peristiwa ini terjadi apabila kenderaan pacuan empat roda yang dinaiki Malique hanyut dibawa arus lumpur ketika hujan lebat.

Amira bersama-sama rakannya Jacinta dan Itai berusaha untuk memecahkan kata laluan mobile disk yang dijumpai oleh Amira di lantai Gua Gunung Gajah. Amira dan rakan-rakannya berjaya memecahkan kata laluan mobile disk tersebut dan mendapati mobile disk tersebut kepunyaan Malique. Daripada peristiwa itu, mereka berusaha mencari Malique.

Amira telah meminta bantuan ibunya, Prof. Zaidah untuk mencari Malique. ~~Dengan bantuan Itai dan rakan-rakannya, mereka berjaya menemui Den~~ Dengan bantuan Ludin dan rakan-rakannya, mereka berjaya menemui ~~mat~~ Malique di puncak Gunung Gajah.

a) Berdasarkan novel Kabus di Perbukitan karya Mohamad Kholid Hamzah yang telah saya pelajari semasa berada di tingkatan 5, terdapat pelbagai konflik yang dihadapi oleh watak utama iaitu Faridah.

Antara konflik yang dilalui oleh Faridah ialah kematian kembarnya Rahayu kerana menghidap kanser paru-paru, kematian ibu kandungnya Salmah kerana terlalu rindu akan Rahayu serta kematian suaminya Ghazali akibat kemalangan. Faridah kehilangan orang-orang paling rapat di sekelilingnya serta orang yang disayanginya dalam suatu jangka masa yang singkat.

Faridah menyelesaikan konflik yang dihadapinya dengan cara ~~dengan mengitu~~ menerima tawaran untuk mengikuti kursus Community service for bisable people di New Zealand. Faridah ~~ter~~ telah berkahwin dengan soleh Johnson dan dikurniakan dua orang cahaya mata perempuan yang juga kembar iaitu melina dan Anne. Setelah 25 tahun, Faridah kembali semula ke tanah airnya yang tercinta, Malaysia.

(a) Novel yang saya kaji di tingkatan 5 ialah Sutera dalam Lukisan karya Abd. Talib Hassan. Watak utama dalam novel ini ialah Bujei dan beliau telah menyelesaikan satu konflik yang dihadapinya.

Bujei telah mengalami konflik jiwa setelah kematian kedua-dua orang tuanya. Bapanya telah meninggal dunia akibat terlibat dalam kemalangan jalan raya di Lebuhraya Karak. Setelah kematian bapanya, ibunya yang bernama Fatimah telah mengahwini Harun. Harun merupakan seorang mandur di ladang kelapa sawit. Harun merupakan seorang duda yang mempunyai hati yang baik. Namun begitu, sikap panas baran Harun lama-kelamaan terbongkar. Harun telah menerajang Fatimah kerana dia tidak mahu memberikan seutas rantai kepadanya. Dalam kejadian itu, Harun telah menyepak pelita dan menyebabkan rumahnya terbakar. Ibunya, Fatimah meninggal dunia kerana tidak ~~dapat diselamatkan~~ sempat diselamatkan. Sejak dari hari itu, Bujei difitnah oleh orang kampung. Bujei mengalami konflik jiwa apabila orang kampung menuduh Bujei sebagai penyebab kepada kebakaran yang berlaku di rumahnya. Bujei tabah menghadapi cabaran hidup setelah kematian ibu ~~bapanya~~ bapanya. Ini menunjukkan bahawa Bujei telah menyelesaikan konflik yang dihadapinya dengan tabah dan sabar menjalani kehidupannya walaupun difitnah oleh orang kampung.

Jawapan calon kumpulan tinggi menepati kehendak soalan. Calon mengemukakan watak utama, konflik dan penyelesaian konflik dengan jelas dan tersusun. Jawapan disampaikan menggunakan bahasa yang gramatis dari segi ayat dan tatabahasa. Calon dapat menghurai konflik dan cara penyelesaian konflik dengan lengkap. Jawapan calon menggambarkan penguasaan calon terhadap novel yang dipelajari.

a) Novel yang saya telah kaji ialah novel Papa ...(akhirnya kau tewas jua!) karya Deana Yusof dari tingkatan 4.

Cara watak utama menyelesaikan satu konflik yang dihadapinya ialah menasihati bapa. Intan Julia pada awalnya tidak mahu bapanya Jeffri berkahwin lain kerana mama Intan Maliana masih koma di hospital. Setelah lamanya Jeffri kesunyian dan keseorangan, dia membuat keputusan untuk mengawini Azyah. Untuk mengelakkan masalah berlaku, akhirnya Intan Julia membenarkan Jeffri mengawini Azyah. Seterusnya, menasihati Azyah. Ketika Intan Maliana sudah pulang ke rumah Jeffri menasihatkan Azyah supaya dia tidak memasuki bilik Intan Maliana tanpa izinnya kerana Jeffri tidak mahu apa-apa terjadi kepada Intan Maliana.

Berdasarkan novel Melunas Rindu karya Hartini Hamzah, yang telah saya kaji, cara watak utama menyelesaikan satu konflik yang dihadapinya adalah dengan bertanggungjawab terhadap hal tersebut sebagai contoh, Fuad yang mencari ibunya dengan bersungguh-sungguh apabila dia mendapat tahu bahawa ibunya Mariana masih hidup. Di samping itu, Fuad mendapat tahu bahawa Farhana adalah adik kandungnya sendiri apabila dia mengikut Farhana apabila Farhana balik ke kampung kerana ibunya sakit. Kesahihan itu terbukti dengan kehadiran Robert Lim.

Berdasarkan novel yang saya pelajari iaitu Asfa Hanani karya Halis Azhan Mohd Hanafiah. Konflik yang dihadapi Asfa Hanani ialah beliau tidak pandai dalam matapelajaran Bahasa Inggeris. Cara yang dilakukan Asfa Hanani untuk menyelesaikan konfliknya ialah Asfa Hanani sering meminjam buku-buku rujukan di perpustakaan sekolah sehingga sanggup mencuri. Selain itu, Asfa Hanani juga gigih mempelajari mata pelajaran Bahasa Inggeris bersama abang Tengku Murni iaitu Tengku Muzaffar. Bukan itu sahaja, Asfa Hanani juga belajar bersama Tengku Ellina iaitu sepupu Tengku Murni.

Berdasarkan sebuah novel yang saya kaji iaitu Novel Renyah. Antara konflik yang dihadapi ialah ~~Datuk Bolhi~~ konflik kekeluargaan oleh seorang tokoh ~~usahawan~~ perniagaan dalam menangani kerenah anak-anak, supaya dapat menggantikanya dalam perusahaan miliknya, Datuk Bolhi sangat susah hati apabila memikirkan tentang ~~kar~~ kerenah-kerenah anaknya. Hasrul sebagai pengawai tinggi terlibat dengan gejala rasuah, Dani pula ~~penyanyi~~ pemain muzik yang terkenal terlibat dengan penyalahgunaan dadah manakala Ameera pula bergelut dengan suaminya dalam memegang jawatan ~~dalam~~ parti ~~dan~~ dalam menjadi pemimpin.

Berdasarkan novel Konserto Terakhir karya Abdullah Husain, cara watak utama dalam novel ini iaitu Hilmi menyelesaikan satu konflik yang dihadapinya adalah dengan mengarang banyak lagu ketika dia bersendirian akibat isterinya iaitu Azizah telah meninggalkan dia dan pulang ke rumah ibu bapanya kerana hubungan perkahwi-nan mereka gagal. Hasil daripada konflik yang dialami oleh Hilmi, dia berjaya mengarang banyak lagu di atas demi mengubat kerinduannya terhadap Azizah di hati.

(a) Novel yang saya pilih ialah novel Kembara Amira yang dikarang oleh Amer Hamzah L Kadir. Cara watak utama menyelesaikan satu konflik yang dihadapinya ialah dengan berani dan tabah. Contohnya Amira mendaki Bukit Mat Raya seorang diri bagi menyelamatkan mangsa dari genggaman Tan.

a) ~~[illegible]~~ Berdasarkan sebuah novel yang saya pelajari ialah Kabus di Perbukitan karya Mohamad Kholid Hamzah, Tingkatan 5. Cara watak utama menyelesaikan satu konflik yang dihadapinya ialah Faridah. ~~Fadi~~ Faridah ~~meng~~ ialah kakak kembar Rahayu iaitu ~~bapak~~ ~~ayah~~ anak kepada Encik Kamaruddin. dan Puan Salmah. Faridah adalah watak utama dalam novel ini. Faridah juga menangani pelbagai masalah ~~[illegible]~~ terhadap dia. Contohnya, ~~Faridah~~ Rahayu telah mendapat kanser paru-paru. Manakala dia mempunyai keberanian. ~~dan~~ ~~ialah~~ ~~telah~~ ~~membuat~~ ~~Fat~~ Akhirnya, Faridah telah menerima hakikatnya yang buruk. Faridah adalah seorang insan yang bertanggungjawab, kasih sayang terhadap keluarganya. Dia menjaga anaknya iaitu ~~s~~ anak kembar, Menita dan Anne dengan ~~baik~~ penuh kasih sayang.

Watak utama dalam novel ini ialah Bujei. Bujei berjaya menyelesaikan konfliknya dengan Alias. ~~Alias telah datang ke rumah Bujei~~ Ketika ~~[illegible]~~ Bujei asyik sedang bermain dengan radio ~~[illegible]~~ yang baru dibeli di pekan, Alias datang ke rumah Bujei. Apabila Alias melihat radio tersebut, dia terus menghempas radio ke lantai. Bujei telah marah dan menyuruh Alias untuk membayar ganti rugi kepadanya. Pada mulanya Alias enggan namun setelah kedatangan Sidang Saman untuk menyelamatkan keadaan dan Alias membayar ganti rugi kepada Bujei.

Calon kumpulan sederhana masih menepati kehendak soalan walaupun tidak dapat menyatakan watak utama secara jelas namun begitu, watak utama dinyatakan dalam huraian. Terdapat calon yang gagal menyatakan konflik dengan jelas dan tepat atau mengemukakan contoh-contoh yang kurang sesuai. Penyampaian dan penggunaan bahasa masih baik tetapi terdapat beberapa kesalahan dari segi tatabahasa.

(a) Berdasarkan sebuah novel yang saya pelajari iaitu Papa... (akhirnya kau tewas jua!) karya Deana Yusof, cara watak utama menyelesaikan satu konflik yang dihadapinya ialah Jefri menyelesaikan masalah pergaduhan antara Intan Marliana dan Intan Juliana. Jefri membawa Intan Marliana ke tempat istimewa agar ditenangkan sedikit hati Intan Marliana. Selain itu, Jefri membelanjakan sedikit wang kepada anaknya Intan Juliana.

Soalan 4 (a)

Novel yang saya pelajari di tingkatan 5 ialah Melunas Terdapat satu konflik diutarakan Fuad. Mama Fuad kekasih telah lama menghilang kerana Mama Fuad lari dari rumahnya. Fuad terjumpa ibunya di dalam hospital. Fuad ingin berjumpa dengan mama kekasihnya. Rupa-rupanya Mama kekasihnya itu ialah ibunya yang telah lama menghilang, dan telah berkahwin dengan orang Cina. Rupa-rupanya kekasihnya itu ialah adiknya.

a) Berdasarkan novel Azfa Hanani, Semasa Azfa Hanani membaca diary Tengku Muni, dia dapat diketahui hubungan antara Tengku Muni dan Etran. Azfa Hanani berasa marah dan berlaku pertengkaran serta mempersoalkan dengan Abang Mazran. Abang Mazran menganggap Etran berasal daripada keluarga yang miskin. Pertengkaran ini didengar oleh Datin Maziah. Datin Maziah berasa marah dan halau Azfa Hanani keluar dari rumahnya. Azfa Hanani terus balik ke rumah Pak Long.

Dalam Renyah seorang ahli perniagaan alami masalah sikap anak-anaknya yang terikut-ikut budaya barat.

(a) Novel yang saya kaji ialah Konserto Terakhir karya Abdullah Husain. terdapat konflik dalam novel ini ialah Hilmi tidak menghadiri persembahan orkes yang dilangsungkan RTM, kerana jatuh sakit dan segera dibawa ke Hospital. kemudian muncul Hayati untuk menyelesaikan masalah dan menggantikan tempat Hilmi untuk membuat persembahan konsert orkes. dan Pak Karim menceritakan bahawa Hilmi itu adalah anak kandung Datuk Johari sendiri. kepada Datuk Johari dan Datin Salmah.

(a) Novel yang saya pelajari ialah Kembara Amira. Watak utama dalam novel ini ialah Amira iaitu anak kepada Profesor Zaidah. Amira menyelesaikan konflik yang dihadapinya dengan cara berdoa kepada yang maha berkuasa. Selain itu, Amira sering memikirkan sendiri tentang konflik yang dihadapinya. Akhir sekali, Amira sering memerlukan bantuan ibunya sendiri.

Berdasarkan sebuah novel yang saya ~~/~~ kaji ialah Kabus di Perbukitan karya Mohamad Khalid Hamzah. Terdapat beberapa konflik yang dihadapo oleh Faridah. Mejar Kamarudin yang dikenali sebagai ayah kepada Faridah dan Rahayu ~~terdapat~~ terpaksa memisahkan mereka akibat daripada penceraian rumah tangga antara Mejar Kemarudin dan Puan Salmah yang terpaksa dipisahkan oleh ayahnya.

a) konflik mengisahkan bujei yang akhirnya melawan Allas selelah lama menjadi mangsa buli ~~bujei~~ Allas. kisah bermula apablla allas merosakkan radio yang baru dibeli oleh bujei di bandar akibat itu Allas ditumbak oleh bujei di perut dan terpaksa membayar ganti rugi radio tersebut yang berharga 80 ringgit dengan bantuan Bidang semon.

Calon kumpulan rendah tidak dapat menyatakan watak utama dengan tepat. Huraian tentang cara-cara penyelesaian konflik dinyatakan secara umum sahaja. Jawapan calon agak ringkas dan tidak lengkap serta penggunaan bahasa yang lemah.

**4(b)**

(*b*) Berdasarkan **dua** buah novel yang telah anda kaji, huraikan **satu latar masyarakat** yang terdapat dalam setiap novel.

Berdasarkan dua buah ~~noel~~ novel yang telah saya kaji iaitu Konserto Terakhir karya Abdullah ~~Husssain~~ Hussain ~~iaitu~~ dan Papa... (akhirnya kau tewas juga!) karya Deana Yusof terdapat satu latar masyarakat ~~yang~~ dalam setiap novel.

Latar masyarakat dalam novel ~~Konserto Terakh Terakhir~~ Papa ialah masyarakat yang sanggup ~~berkorb~~ berkorban demi kebahagiaan orang tersayang. ~~8~~ Sebagai contoh, Jeffri sanggup menantikan Intan Maliana untuk sedar daripada komanya bertahun lamanya. ~~Int~~ Selain itu, Intan Maliana sanggup meneruskan ~~kand~~ kandungan atas permintaan Jeffri walaupun berisiko tinggi. Jeffri ~~juga sanggup m~~ dan Intan Julia juga dengan reda hati membantu ~~m~~ membawa Intan Maliana ke hospital ketika dia hendak bersalin.

Latar masyarakat dalam novel Konserto Terakhir ialah masyarakat yang mementingkan pangkat dan kedudukan. Datin Salmah tidak mengakui Hilmi sebagai keluarga Datuk Johari kerana ~~Hil~~ Hilmi berasal daripada kampung dan tidak berpendidikan tinggi. Datin Salmah ~~It~~ juga hanya berkawan dengan golongan yang bergelar Datin sahaja. Datin Salmah hanya mengakui Hilmi sebagai tukang kebun.

Kesimpulannya, latar ~~latar~~ masyarakat dalam kedua-dua buah novel ~~tela~~ yang telah saya kaji memberi ~~m~~ kesan positif kepada saya sebagai pembaca.

b) Berdasarkan novel yang saya kaji di tingkatan 4 iaitu Melunas Rindu karya Hartini Hamzah, terdapat satu latar masyarakat yang dapat saya perolehi iaitu masyarakat yang suka menolong. contohnya, Fuad menolong Borhan menghantar anaknya yang sedang mengalami demam panas keklinik. seterusnya, Pak Ngah Lias dan Pak Samsuddin sanggup membantu Fuad untuk mencari pusara Ibunya, Mariana. Selanjutnya, Fuad menolong bapa saudaranya, Peter Lim membayarkan yuran persekolahan anaknya, Ah Soh dan Mei Lin kerana Fuad berasa terhutang budi pada Peter Lim.

Berdasarkan novel yang saya kaji di tingkatan 5 iaitu Kabus di Perbukitan karya Mohamad Kholid Hamzah terdapat satu latar masyarakat yang dapat saya perolehi iaitu masyarakat yang berpendidikan tinggi. Sebagai contoh, Azrul dan Rahayu bersama-sama belajar di Universiti Putra Malaysia (UPM). Seterusnya, Melina dan Anne menuntut di University of Canterbury, New Zealand. selain itu, Zain yang merupakan suami kepada Anne dan anak kepada Datuk Azrul menuntut di University Lincoln, New Zealand.

Berdasarkan novel Kembara Amira karya Amer Hamzah L. Kadir, latar masyarakat yang terdapat dalam novel ~~terla~~ ini ialah masyarakat yang penyayang. Sebagai buktinya, jip yang dinaiki oleh Pak Lias dan Profesor Zaidah mengalami kerosakan brek sehingga Profesor Zaidah mengalami kecederaan di pergelangan tangan. Amira amat menyayangi ibunya, profesor Zaidah sehingga cemas dan bimbang apabila melihat pergelangan tangan ibunya terseliuh dalam satu kemalangan jalan raya.

Sementara itu, dalam novel Azfa Hanani pula terdapat masyarakat yang gigih berusaha. Azfa Hanani tinggal di rumah Pak Long ~~dan~~ dan Mak Long yang mengalami kemiskinan. Azfa Hanani tidak mahu memberi kesusahan kepada mereka dan dia sanggup mencuri buku-buku rujukan dari perpustakaan sekolah semata-mata untuk membuat ulang kaji.

b) Berdasarkan novel yang saya kaji sewaktu di Tingkatan Lima, iaitu Sutera Dalam Lukisan karya Abd. Talib Hassan, terdapat satu latar masyarakat dalam novel ini.

Latar masyarakat bagi novel ini ialah masyarakat yang berani menyahut cabaran. Tamsilannya, Alias ingin mengenakan Bujei pada malam perkahwinan Sameah. Dia telah menghantar surat kepada juruhebah agar memanggil Bujei naik ke atas pentas. Bujei bertindak berani dengan tampil ke pentas dengan penuh yakin dan menyampaikan lagu 'Bahtera Merdeka' dengan merdu sekali. Para hadirin sangat terpukau dengan bakat yang terpendam dalam diri Bujei.

Manakala, berdasarkan novel yang saya kaji sewaktu di Tingkatan Empat iaitu Renyah karya Gunawan Mahmood, terdapat satu latar masyarakat dalam novel ini.

Latar masyarakat dalam novel ini ialah masyarakat yang mementingkan ilmu pengetahuan. Sebagai contohnya, Dato' Dolhi rajin membaca pelbagai jenis buku terutamanya yang berkaitan dengan keusahawanan. Beliau juga akan membaca sebelum menyampaikan ceramah ataupun motivasi.

Calon kumpulan cemerlang dapat memahami tugasan dan mengemukakan satu latar masyarakat dengan huraian yang lengkap bagi setiap novel yang dikaji. Jawapan menggambarkan penguasaan calon tentang kedua-dua novel yang dipelajari serta dijawab dengan menggunakan ayat yang gramatis.

b)

Berdasarkan novel yang saya kaji Papa... (akhirnya kau tewas jua! Karya Deana Yusof. Satu latar masyarakat yang terdapat dalam novel ialah kasih sayang antara satu sama lain. Contohnya, Jefri amat menyayangi isterinya Intan Mallana walaupun sudah lama berkahwin.

Berdasarkan novel yang saya kaji Konserto Terakhir karya Abdullah Hussain. Satu latar masyarakat yang terdapat dalam novel ialah

Satu latar masyarakat yang terdapat dalam novel "Melunas Rindu" karya Hartini Hamzah ialah masyarakat yang mempunyai hubungan baik dengan keluarganya yang bukan Islam. ~~Fuad walaupun tidak waktu~~ Walaupun Fuad telah menukar agama asalnya iaitu agama ~~Islam~~ islam, Fuad tetap membiayai ~~adik~~ persekolahan adik-adik angkatnya iaitu Mei Lie dan Ah Soh.

Seterusnya, satu latar masyarakat dalam novel "Kabus di Perbukitan" karya Mohammed Khalid Hamzah ialah semangat kemasyarakatan di suatu kawasan. Apabila Mak Rahayu dan Faridah meninggal dunia ~~diabai~~ dipersoalkan kesediaannya terhadap anak ~~perl~~ perempuannya Rahayu ~~abahi~~ yang meninggal [illegible]

Berdasarkan novel Asfa Hanani karya Halis Azhan Mohd Hanafiah yang telah saya pelajari, satu latar masyarakat yang terdapat pada novel ialah masyarakat yang penyayang. Sebagai contoh, Tengku Maarah menyayangi Asfa Hanani dan menerima beliau sebagai anak angkat setelah kematian anak Tengku Murni.

Berdasarkan novel Kembara Amira karya Amer Hamzah L. Kadir yang telah saya pelajari, satu latar masyarakat yang terdapat pada novel tersebut ialah masyarakat yang mencintai alam sekitar. Sebagai contoh, Itai menyayangi hutan tersebut, sehinggakan beliau sanggup berkorban demi menyelamatkan hutan tersebut diteroka oleh orang lain. Selain itu, Itai juga mahir dalam selok belok jalan hutan itu.

Novel yang saya kaji ialah novel Sutera dalam Lukisan karya Abd. Talib Hassan. Terdapat beberapa latar masyarakat dalam petikan antaranya masyarakat yang mengamalkan sikap bekerjasama. Contohnya, ~~pe~~ Penduduk kampung bekerjasama untuk mengadakan majlis perkahwinan ~~dan~~ sama'ah. Selain itu, Masyarakat yang mengambil kesempatan atas kesenangan orang lain. Contohnya, baru sahaja beberapa bulan berkahwin, Harun telah meminta Fatimah membelikannya sebuah kereta.

Novel Renyah yang saya kaji ialah masyarakat yang boleh berkongsi perniagaan. Terdapat latar masyarakat begini, antara Datuk Dolhi dan Albert Lee yang berkongsi syarikat untuk mengusahakan perniagaan pembalakan dan perumahan. Mereka selalu bercakap mengenai perniagaannya.

Calon kumpulan sederhana masih dapat mengemukakan latar masyarakat dengan tepat dan diikuti dengan contoh yang relevan berdasarkan novel yang dibaca. Terdapat calon hanya mengemukakan latar masyarakat berdasarkan sebuah novel. Jawapan calon masih menggunakan ayat yang gramatis.

dan novel Papa karya Deana Yusof

Berdasarkan novel Konserto terakhir karya Abdullah Hussain, latar masyarakatnya ialah masyarakat yang mementingkan ~~pendikan~~ pendidikan. ~~Dalam novel Kon~~

Dalam novel Konserta terakhir, Hilmi yang ~~berdarjah~~ berpelajaran darjah 4 ~~dalah~~ dalam sekolah Melayu sukar mencari kerja.

Dalam novel Papa, Intan Julia ~~men~~ gigih berusaha dalam pelajarannya dan mementingkan peperiksaan SPM.

---

Satu latar masyarakat yang terdapat dalam novel 'Kabus di Perbukitan karya Mohammad Kholid Hamzah ialah, masyarakat kampung yang terletak di pedalaman.

---

b) Berdasarkan dua buah novel yang ~~terla~~ telah saya kaji iaitu novel ~~me~~ Melunas Rindu hasil ~~kaya~~ karya Hartini Hamzah dan novel Kabus di Perbukitan hasil karya Mohamad Kholid Hamzah, satu latar masyarakat yang dapat saya pelajari adalah hubungan kekeluargaan yang erat. Hubungan kekeluargaan ini dapat kita lihat menerusi novel Kabus di Perbukitan sebagaimana yang telah dipaparkan oleh Faridah dan Rahayu. Faridah dan Rahayu adalah anak kembar yang terpisah sejak kecil lagi. Faridah dijaga oleh Salmah manakala Rahayu pula dijaga oleh Fakrudin. Mereka terpisah akibat perceraian antara ibu bapa mereka. Walaupun mereka terpisah, namun mereka saling merindui secantara satu sama lain dan boleh berinteraksi ~~secara~~ secara telepati kerana mempunyai keistimewaan.

b) Berdasarkan dua buah novel iaitu Azfa Hanani dan Kembara Amira yang telah saya kaji, satu latar masyarakat yang terdapat dalam setiap novel ialah masyarakat yang mengambil berat tentang rakannya seperti yang terdapat dalam novel Kembara Amira. Selain itu, latar masyarakat yang terdapat dalam novel Azfa Hanani ialah masyarakat yang pentingkan dirinya sendiri dan tidak perduli keadaan di sekelilingnya.

Novel yang saya kaji ialah Novel Renyah. Terdapat latar masyarakat dalam Novel Renyah ialah berkongsi syarikat dengan Albert Lee. Syarikat itu diberikan nama Dolhi Albert Holding. Datuk Dolhi dan Albert Lee selalu bercakap mengenai perniagaannya. Datuk Dolhi dan Albert Lee Mengusahakan pembalakan dan perumahan. Datuk Dolhi selalu membaca buku mengenai kemajuan orang jepun. ty Datuk Dolhi perniagaannya semakin maju.

Manakala Novel Sutera Lukisan karya Abd. Talib Hassan. Latar masyarakat ~~tolong-menolong~~ bantu-membantu. Contohnya, Pak Senen membantu menjalankan dengan lancar mengenai perkahwinan Same'ah. ~~Latar masyarakat lain ialah pertolongan Setori~~. Latar masyarakat lain ialah simpati ~~ialah~~ terdapat orang-lain. Contohnya, Orang kampung & mengetat bujei untuk menyelamatkan ibunya dalam kebakaran kerana api terlalu marap. Perbuatan ini dilakukan oleh ayah tiranya.

Calon kumpulan rendah tidak menepati kehendak dan tugasan soalan kerana tidak menyatakan latar masyarakat. Jawapan calon terlalu ringkas dan mengemukakan fakta yang tidak tepat malah terdapat calon yang hanya mengemukakan pernyataan latar masyarakat berdasarkan sebuah novel sahaja, malah struktur ayat yang digunakan juga tidak gramatis.

**Saranan kepada calon**

1. Banyakkan latihan.
2. Latihan berfokus kepada format soalan peperiksaan yang sebenar.
3. Membina kumpulan perbincangan dalam pembelajaran.
4. Menguasai teknik menjawab soalan.
5. Menggunakan perkataan dan ayat sendiri semasa menjawab soalan pemahaman.
6. Membiasakan menjawab soalan dengan meletakkan diri anda sebagai orang yang berperanan melaksanakan sesuatu.
7. Jumlah markah pada setiap soalan perlu dijadikan panduan semasa menjawab.
8. Membaca dengan teliti dan memahami dengan jelas setiap arahan soalan.
9. Menguasai perbendaharaan kata dan asas tatabahasa.
10. Menguasai sistem ejaan bahasa Melayu.
11. Menjadikan Kamus Dewan dan Tatabahasa Dewan sebagai rujukan.
12. Membaca buku teks komponen sastera dan menguasai isi kandungannya.
13. Membaca dan memahami isi kandungan dua buah novel yang dikaji mengikut aspek kajian komponen sastera.
14. Banyakkan membaca akhbar dan majalah ilmiah untuk menambahkan kemahiran berfikir aras tinggi.
15. Menjadikan kamus peribahasa sebagai rujukan tambahan agar dapat menguasai aspek peribahasa.
16. Digalakkan menghadiri seminar atau kem bahasa semasa cuti sekolah bagi menambahkan ilmu dalam kebahasaan.
17. Digalakkan membaca dan meneliti jawapan yang terbaik yang dihasilkan oleh kalangan murid sebagai panduan diri untuk menjawab soalan.
18. Sentiasa berfikiran terbuka untuk membaca novel yang dipelajari semasa berada di tingkatan empat dan lima.

## SARANAN KEPADA GURU

1. Gunakan bahan pelajaran yang boleh menjana minda pelajar terutamanya penggunaan akhbar, majalah dan sebagainya.
2. Sentiasa mengemaskinikan pengetahuan dan kemahiran kendiri.
3. Menguasai format dan teknik menjawab soalan yang betul.
4. Banyakkan latihan untuk memberi bimbingan lanjut berdasarkan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi.
5. Sentiasa merujuk buku Tatabahasa Dewan.
6. Sentiasa menggunakan kamus dalam proses pengajaran dan pembelajaran.
7. Teks komsas perlu diberikan penekanan terutama aspek kajian sastera yang dijadikan soalan peperiksaan.
8. Soalan-soalan yang berbentuk kemahiran berfikir aras tinggi perlu diperbanyakkan supaya pelajar dapat memberikan pendapat yang bernas.
9. Guru perlu mempelbagaikan kaedah dan teknik pengajaran yang terkini.
10. Membentuk soalan peperiksaan dalaman yang mencapai tahap peperiksaan sebenar atau dapat menguasai JSI.
11. Sentiasa mengikuti perkembangan bahasa terkini.
12. Sentiasa mengikuti isu-isu semasa untuk merangsang percambahan fikiran dan idea.
13. Menggunakan ICT dalam pengajaran dan pembelajaran.
14. Laporan Kupasan Mutu Jawapan Calon terbitan LPM mesti dihayati oleh semua guru Bahasa Melayu.
15. Membentuk “Future Classroom“ dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu di dalam kelas.
16. Guru Bahasa Melayu wajib menjadi pemudahcara di dalam kelas.
17. Guru Bahasa Melayu wajar banyak membina item yang meletakkan murid berperanan sebagai pelaku utama untuk melaksanakan sesuatu usaha atau menyelesaikan sesuatu masalah.
18. Guru Bahasa Melayu wajar menjadi pemeriksa kertas Bahasa Melayu bagi menambahkan kompetensi terhadap mata pelajaran yang diajar.
19. Guru Bahasa Melayu digalakkan mengadakan penandaarasan ke sekolah lain khusus dalam aspek pengajaran dan pemudahcaraan mata pelajaran Bahasa Melayu.
20. Guru Bahasa Melayu wajar menghadiri seminar atau bengkel atau kovensyen yang berkaitan dengan kebahasaan di pelbagai peringkat bagi menambahkan ilmu.